



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 4 OKTOBER 2018

[No. 40]

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK HASHIM BIN PAIJAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 280

[No. DBKK: 400-8/2 Jilid 29

ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN 1961

(Ordinan No. 11 tahun 1961)

(Sebagaimana yang dipinda di dalam Enakmen Bandaraya Kota Kinabalu 1996)

ANGGARAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2018

Mengikut peruntukan subseksyen (3) Seksyen 62 Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (sebagaimana yang dipinda oleh Enakmen Bandaraya Kota Kinabalu 1996) notis dengan ini diberikan bahawa saya meluluskan Anggaran Tahunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2018.

2. Salinan anggaran ini boleh didapati dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2018 dan boleh diperoleh di Pejabat Pencetak Kerajaan, Kota Kinabalu.
3. Saya dengan ini mengarahkan selanjutnya bahawa salinan Anggaran Tahunan ini hendaklah disimpan di Pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan disediakan untuk pemeriksaan oleh orang ramai.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APPDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. DBKK: 400-8/2 Jilid 29]

LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE 1961

(Ordinance No. 11 of 1961)

(As Amended by City of Kota Kinabalu Enactment 1996)

LOCAL AUTHORITY ESTIMATES 2018

In accordance with the provisions of subsection (3) of section 62 of the Local Government Ordinance, 1961 (as amended by City of Kota Kinabalu Enactment 1996) notice is hereby given that I have approved the Annual Estimates for 2018 for Kota Kinabalu City Hall.

2. Copies of the estimates are to be found in the Estimates of Revenue and Expenditure for the year 2018 and obtainable from the Government Printing Office, Kota Kinabalu.

3. Copies of the Annual Estimates shall be available at the office of Kota Kinabalu City Hall for public inspection.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APPDAL,
Ketua Menteri Sabah.

No. 281

[No. JKR. JUB (S)600-5/1/318/1]

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat bagi Taklimat/Lawatan Tapak
Projek Naik Taraf Sistem Gas Perubatan Hospital Kudat, Sabah.	Opsyen 1 Berdaftar dengan CIDB i) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB; Gred: G6 Sahaja Kategori: B & ME Pengkhususan: B20 (Pemasangan Paip Gas dalam Bangunan) & ME06 (Peralatan Perubatan) dan	RM150.00 Sahaja Pembayaran hendaklah dibuat kepada Jabatan Akauntan Negara melalui: Bank: Alliance Bank Malaysia Berhad No. Akaun: 60191-0-01-001108-1	Terbuka	1hb Oktober 2018 (Isnin) 10.00 pagi, Pejabat Jurutera Daerah JKR Kudat. <i>Nota:</i> <i>Petender WAJIB hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.</i>

Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat bagi Taklimat/Lawatan Tapak
	<p>ii) memegang sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah. Atau Opsyen 2</p> <p>i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas A Sahaja, Tajuk III, Tajuk Kecil 17 (e) (Pemasangan Gas Perubatan)</p> <p>dan</p> <p>ii) memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.</p>			<i>Hanya penama yang dinamakan di dalam sijil pendaftaran SPKK/ PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak bagi projek ini.</i>

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	1hb Oktober 2018 sehingga 22hb Oktober 2018 Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari - 2.00 petang - 4.00 petang Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi - 2.00 petang - 4.00 petang
Tarikh Tutup Tender	22hb Oktober 2018 (Isnin - Jam 12.00 Tengah hari)
Tempat Memasukkan Tender	Peti Tawaran, Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah, Perbendaharaan Malaysia Sabah, Tingkat Dua (2), Rumah Persekutuan, Jalan Mat Salleh, 88592 Kota Kinabalu, Sabah.

TENDER NOTICES - (cont.)

1. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Pemilik syarikat yang dinyatakan dalam sijil SPKK atau wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil PUKONSA).
2. Dokumen-dokumen berikut, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-
 - 2.1 Sijil-sijil ASAL ‘PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB’ dan SIJIL PERAKUAN PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)’ yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender atau sijil-sijil ASAL ‘PUKONSA’ dan ‘PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB’ yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.
 - 2.2 Salinan sijil-sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 yang belum disahkan; dan
 - 2.3 Borang Lawatan Tapak yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Jurutera Daerah atau wakil yang ditauliahkan.
3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
 - 3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
 - 3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
4. Borang Lawatan Tapak boleh diperoleh di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya, Kudat atau Ketua Penolong Pengarah/Ukar Bahan, Cawangan Ukur Bahan, Tingkat 5, Ibu Pejabat JKR, Kota Kinabalu.
5. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, 88582 Kota Kinabalu.
6. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:

Setiausaha,
Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah,
Perbendaharaan Malaysia Sabah,
Tingkat Dua (2), Rumah Persekutuan,
Jalan Mat Salleh,
88592 Kota Kinabalu, Sabah.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender jika Borang Lawatan Tapak telah dilengkapkan dan syarat-syarat yang berkaitan telah dipatuhi.

DATUK IR. HAJI AMRULLAH BIN KAMAL,
Pengarah Kerja Raya

Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2018 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:

KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2018

Warta Kerajaan termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40
Sesuatu naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.	
Tidak lebih daripada 8 muka	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka	5.40
Lebih daripada 96 muka	7.20 dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2017 (dijilid dengan Kulit Keras) RM 42.00

Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).

Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang “& Co”.

Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.